
Kata Berimbuhan Awalan

Tok Batin yang Dihormati



Saidin bin Bujang ialah tok batin. Beliau menjadi tok batin di sebuah kampung di negeri Selangor.

Beliau akan berjalan di sekitar kampung setiap hari. Beliau akan _____ bual-bual dengan penduduk kampung. Tok batin akan _____ cari jalan untuk menyelesaikan masalah di kampung itu.



Seterusnya, beliau memastikan penduduk kampung menghantar anak mereka ke sekolah. Jadi, penduduk di kampung itu _____ dapat pendidikan yang sempurna.

Jika anak buahnya sakit, tok batin akan pergi ke rumah mereka. Beliau



akan _____ tanya tentang khabar mereka. Jadi, hubungan mereka sangat mesra.

Saidin suka akan tugasnya sebagai tok batin. Beliau _____ janji akan _____ bantu anak buahnya hingga berjaya.

Info Bahasa

Imbuhan awalan ialah imbuhan yang diletakkan pada awal perkataan. Contoh: *me-*, *mem-*, *men-*, *meng-*, *menge-* dan *ber-*.

Aktiviti

Menggunakan kata berimbuhan awalan mengikut konteks.

LIVEWORKSHEETS